



# SOP DISINFEKSI PREMIS

SDMC  
12 JANUARI 2021



# SEKTOR:

# SOP DISINFEKSI PREMIS

## Merangkumi

Premis Perniagaan  
Pejabat Kerajaan & Swasta  
Tempat Ibadat  
Tempat Awam  
Institusi Pendidikan

## Aktiviti Tidak Dibenarkan

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang

## Arahan Tetap

1. Tertakluk kepada peraturan JPBN dari masa ke semasa
2. Tertakluk kepada peraturan Pihak Berkuasa Tempatan dari masa ke semasa
3. Akta 342
4. PPHO, 1999

## Aktiviti & Protokol

### Tindakan

### Penerangan Ringkas

#### Sebelum disinfeksi

- Sediakan peralatan pembersihan dan disinfeksi (Jadual 1) dan bahan disinfeksi (Jadual 2) mengikut kesesuaian sebelum aktiviti dijalankan.
- Sediakan personal protective equipment (PPE) yang bersesuaian berdasarkan targeted area samada dalam atau luar bangunan
- Pakai penutup hidung dan mulut serta sarung tangan apabila menyediakan bahan disinfeksi.
- Elakkan sentuhan bahan disinfeksi dengan mata dan kulit sepanjang aktiviti dijalankan.

#### Semasa disinfeksi

- Basuh tangan dengan air dan sabun sebelum pembersihan dan disinfeksi dijalankan.
- Pakai PPE yang bersesuaian sebelum memulakan proses pembersihan dan disinfeksi
- Bersihkan permukaan yang hendak disinfeksi terlebih dahulu.

#### Kaedah disinfeksi kawasan di tempat awam (dalam bangunan)

- Pastikan kawasan yang hendak disinfeksi ditutup kepada orang awam.
- Buka tingkap untuk pengudaraan.
- Lap semua permukaan terutamanya permukaan yang sering disentuh seperti butang lif, rel pemegang tangan, tombol pintu, kerusi, meja, suis lampu dan kipas, papan kekunci komputer, dan permukaan tandas duduk menggunakan bahan disinfeksi. Permukaan ini hendaklah dipastikan kering selepas disinfeksi.
- Semua permukaan lantai dan dinding (ke paras ketinggian yang boleh dicapai oleh tangan) disembur larutan disinfeksi.
- Lap permukaan barangan elektrik menggunakan kain lap yang mengandungi larutan disinfeksi.
- Mop lantai menggunakan larutan disinfeksi.
- Sembur lantai karpet menggunakan larutan disinfeksi.
- **Kawasan yang disinfeksi tidak boleh digunakan sehingga hari berikutnya.**



# SEKTOR:

# SOP DISINFEKSI PREMIS

## Merangkumi

Premis Perniagaan  
Pejabat Kerajaan & Swasta  
Tempat Ibadat  
Tempat Awam  
Institusi Pendidikan

## Aktiviti Tidak Dibenarkan

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang

## Arahan Tetap

1. Tertakluk kepada peraturan JPBN dari masa ke semasa
2. Tertakluk kepada peraturan Pihak Berkuasa Tempatan dari masa ke semasa
3. Akta 342
4. PPHO, 1999

## Aktiviti & Protokol

### Tindakan

**Kaedah disinfeksi kawasan di tempat awam (luar bangunan)**

**Proses selepas pembersihan dan disinfeksi**

### Penerangan Ringkas

- Pastikan kawasan yang hendak disinfeksi ditutup kepada orang awam.
  - Pastikan tiada orang awam atau haiwan berada di sekitar zon nozzle dihalakan.
  - Kekalkan jarak 1 meter antara pekerja dan elakkan dari berkumpul setempat.
  - Elakkan semburan yang terlalu kuat.
  - Halakan semburan di targeted area yang kerap disentuh oleh orang awam seperti pintu, tempat duduk awam, rel pemegang tangan, dinding premis (ke paras ketinggian yang boleh dicapai oleh tangan) serta meliputi semua bahagian permukaan kemudahan awam yang berpotensi tercemar atau mempunyai kontak dengan pesakit.
  - Sekiranya kenderaan digunakan, pastikan kenderaan bergerak kurang dari 20km/j.
  - Pastikan tiada bilasan dengan air selepas semburan disinfeksi untuk memberi masa kepada bahan tersebut berkesan.
  - Kerja-kerja disinfeksi perlu dihentikan ketika hari hujan kerana ia akan menghilangkan keberkesanan bahan.
- 
- Semua peralatan perlindungan diri pakai buang perlu dibuka dan dibuang ke dalam beg sampah serta diikat dengan rapi dan di buang ke tong sampah yang bertutup.
  - Pastikan tangan dibasuh dengan sabun dan air selepas semua peralatan perlindungan diri dibuka.
  - Peralatan yang boleh diguna semula semasa pembersihan dan disinfeksi perlu dicuci selepas operasi.
  - Semua peralatan disimpan di depoh, stor atau di tempat-tempat yang disediakan selepas operasi.
  - Sisa tong bahan kimia perlu disimpan dan dilupuskan mengikut kaedah pelupusan yang bersesuaian.
  - Sebarang gejala yang dialami oleh anggota yang melaksanakan aktiviti pembersihan dan disinfeksi hendaklah dilaporkan kepada penyelia untuk tindakan selanjutnya

Jadual 1. Senarai Peralatan Pembersihan dan Disinfeksi

<b>Dalam Bangunan</b>	<b>Luar Bangunan</b>
Bekas semburan (spray can)	Mist blower
Kain lap	Portable Jetter
Mop	High Pressure Portable Jetter (5500L)
Air	Portable Jetter (3000L)
Sabun/Bahan Disinfeksi	Tailgate/Triton

Jadual 2. Senarai Bahan Disinfeksi dan Cara Penyediaan

No.	Kepekatan Sodium Hypochlorite sebelum dibancuh	Kepekatan Bahan Disinfeksi yang dikehendaki	Nisbah (Bahan peluntur : Air Paip)	Aplikasi
1	5%	0.1%	1 : 49	Untuk kegunaan di persekitaran dalam bangunan
	5%	0.5%	1 : 9	Untuk kegunaan di persekitaran luar bangunan
2.	Ethanol (70%)	Ethanol (70%)	TIADA	Untuk kegunaan di persekitaran dalam bangunan